

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meminda Akta 605 berhubung kakitangan akademik universiti untuk memastikan isu integriti dan kebebasan akademik lebih terjamin.

Bilakah AUKU akan dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang lebih bersepadu dan mampu mengangkat wibawa pengajian tinggi tempatan?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum Akta 605 diwartakan pada tahun 2000, universiti awam telah mengguna pakai Kaedah-Kaedah Tatatertib Universiti Awam seperti yang termaktub di bawah Seksyen 16A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Walau bagaimanapun, peruntukan di atas telah dikeluarkan semasa pindaan dibuat ke atas Akta 30 pada tahun 2009.

Sejak tahun 2019, KPT telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk melihat semula pemakaian Akta 605 kepada universiti awam. Beberapa sesi libat urus dengan pihak JPA juga telah diadakan untuk menambah baik beberapa peruntukan yang berkaitan dalam Akta 605.

Cadangan yang dikemukakan adalah ke arah memperkasa dan merekayasa kesarjanaan akademik dengan memberikan lebih ruang kebebasan kepada kakitangan akademik dalam menerbit, menyunting dan memberikan pernyataan awam. KPT juga turut mencadangkan beberapa peruntukan tambahan seperti memerangi salah laku akademik melibatkan plagiarisme dan hubungan tidak wajar antara penyelia dan pelajar.

Libat urus terakhir bersama pihak JPA pada 22 Disember 2020 telah memaklumkan bahawa pindaan ke atas Akta 605 hanya akan dilaksanakan selepas pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993] diwartakan. Pindaan berhubung perkara kelakuan dan tatatertib akan dilaksanakan secara berperingkat, iaitu di peringkat pegawai awam terlebih dahulu

SOALAN NO: 81

(merujuk kepada PUA 395/1993) bagi memastikan penambahbaikan yang dibuat adalah relevan, efektif dan diterima baik oleh pemegang taruh yang berkaitan, sebelum dilaksanakan kepada badan-badan berkanun (merujuk kepada Akta 605). Pihak JPA memaklumkan bahawa perkara ini masih dalam tindakan Jabatan dan akan diwartakan pada tahun 2022.

KPT sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan Akta 30 atau AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar inilah, Akta 30 telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hinggalah pindaan terakhir pada tahun 2019.

KPT juga sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan penambahbaikan dan akan mempergiat sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas, input serta, dengan izin, *wish list* untuk manfaat semua. Dalam hal ini, libat urus terakhir telah diadakan dengan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 14 September 2021 bagi mengumpul input terkini berkaitan penambahbaikan yang boleh dibuat melalui pindaan Akta 30, sesuai dengan keperluan semasa kini.

Sekian, terima kasih.